

## **Jenayah Asuhan Seksual: Analisis Seksyen 377g di Dalam Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22**

Zulfa Farahanah binti Haji Mohamad\*

### **Abstrak**

Asuhan seksual merupakan satu jenayah yang diperuntukkan di dalam Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22 di bawah seksyen 377G. Asuhan seksual bermaksud suatu proses berkawan dan mendekati serta mewujudkan hubungan emosi dengan seorang kanak-kanak secara fizikal (*in-person*) atau melalui atas talian internet untuk mendapatkan kepercayaan mereka dengan niat untuk mengeksploitasi mereka secara seksual. Dalam erti kata lain, asuhan seksual ialah proses persediaan awal yang dilakukan oleh penjenayah iaitu dengan menjalinkan hubungan bersama seorang kanak-kanak untuk menyenangkan penjenayah tersebut melakukan serangan seksual terhadap kanak-kanak itu suatu hari nanti. Kanak-kanak menjadi sasaran pemangsa jenayah asuhan seksual kerana kanak-kanak merupakan mangsa yang terdedah lebih-lebih lagi dengan zaman teknologi masa kini. Kajian ini mengupas pengertian asuhan seksual secara istilah dan undang-undang. Kajian ini juga bertujuan untuk menganalisa undang-undang yang diperuntukkan di bawah seksyen 377G, Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah perpustakaan dengan merujuk

---

\*Pelajar Sarjana Undang-Undang, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).  
Emel: zulfarahanah@gmail.com

kepada buku-buku dan merujuk kepada beberapa laman sesawang serta analisis konten dokumen perundangan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Hasil penelitian dapat disimpulkan bahawa pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang berkaitan asuhan seksual adalah bertepatan kerana asuhan seksual merupakan permulaan bagi beberapa jenayah seksual terhadap kanak-kanak dan ianya sejajar dengan zaman teknologi masa kini. Seterusnya disarankan kepada masyarakat di luar sana agar tidak memandang ringan akan jenayah ini kerana ianya boleh membawa kesan yang sangat negatif terhadap mangsa.

**Kata Kunci:** Asuhan Seksual, Kanak-Kanak, Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22, Negara Brunei Darussalam.

### *Abstract*

*Sexual grooming is a crime under Penal Code, Chapter 22. Sexual grooming is a process of becoming friends, reaching out and establishing emotional connection with a child through the internet to gain their trust with the intention of sexually exploiting them. In other words, sexual grooming is an early process done by the offenders which is to form a relationship with children so that they can easily sexually assault the children. Children are the target of the sexual grooming criminal because children are vulnerable especially in this technology era. This research explores the definition of sexual grooming in technical and law terms. This research also analyze section 377G under the Penal Code, Chapter 22. Researcher use qualitative method using*

*books from library as references and referring to some websites and analyzing case law to get the needed information. Study find that, implementation and enforcement that relate to sexual grooming offences could lead to other sexual offences towards children and this correspondence to the technology era. In addition, the research is to encourage the society to not look at this matter lightly as it will negatively affect the children.*

**Keywords:** *Sexual Grooming, Children, Penal Code Chapter 22, Negara Brunei Darussalam.*

## **Pendahuluan**

Seperti yang diketahui, Negara Brunei Darussalam belatarkan sebuah negara Melayu Islam Beraja, namun negara ini tidak terkecuali daripada menghadapi kes eksploitasi kanak-kanak, penderaan dan pengabaian.

Penderaan seksual terhadap kanak-kanak ialah penglibatan kanak-kanak dalam kegiatan seksual yang tidak difahaminya dengan baik, yang tidak dapat dipersetujuinya dengan arif, atau yang melanggar undang-undang atau kelaziman masyarakat. Penderaan seksual terhadap kanak-kanak ialah kegiatan yang bertujuan memberi kepuasan seksual kepada orang yang melakukannya<sup>57</sup>. Ianya merupakan satu perbuatan yang boleh mengancam keselamatan dan hak asasi seorang kanak-kanak. Setiap kanak-kanak tanpa mengira jantina, bangsa, agama dan latar belakang berhak

---

<sup>57</sup> Jal Zabdi Mohd Yusoff. (2010). *Jenayah Penderaan Kanak-Kanak*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. Ms: 17.

untuk dijaga dan dilindungi. Kanak-kanak juga merupakan generasi yang mencorak sesuatu negara di masa akan datang, oleh itu kita harus memastikan kanak-kanak itu mendapat hak mereka dengan sewajarnya.

Dari segi perlindungan kanak-kanak dan remaja dari keganasan, penganiayaan dan eksploitasi, terdapat beberapa perundangan telah diperuntukkan di negara ini iaitu Akta Kanak-Kanak Muda (Bab 219), Akta Perlindungan Perempuan-Perempuan dan Gadis-Gadis (Bab 120) dan pindaan ke atas undang-undang kesalahan seksual di bawah Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22.

Salah satu bentuk penderaan seksual terhadap kanak-kanak ialah asuhan seksual. Asuhan seksual bermaksud suatu proses berkawan dan mendekati serta mewujudkan hubungan emosi dengan seorang kanak-kanak melalui atas talian internet untuk mendapatkan kepercayaan mereka dengan niat untuk mengeksploitasi mereka secara seksual<sup>58</sup>. Menurut buku *Sex as Crime* pula, penulis menghuraikan definisi asuhan seksual sebagai melibatkan suatu proses bersosial iaitu dengan cara seorang pemangsa mencuba untuk berinteraksi dengan seorang kanak-kanak, berkemungkinan berkongsi hobi dan minat yang sama, untuk membuat suatu percubaan untuk mendapatkan kepercayaan lalu menyiapkan diri untuk melakukan penderaan seksual terhadap mereka. Proses ini juga boleh

---

<sup>58</sup> Samantha Craven, Sarah Brown dan Elizabeth Gilchrist. (2007). Sexual Grooming of Children: Review of Literature and Theoretical Considerations. *Journal of Sexual Aggression*. 12(3), 287-299.

melibatkan percubaan untuk menjadikan hubungan seksual di antara orang dewasa dan kanak-kanak adalah suatu perkara yang biasa<sup>59</sup>. Dalam erti kata lain, asuhan seksual ialah proses persediaan awal yang dilakukan oleh penjenayah iaitu dengan menjalinkan hubungan bersama seorang kanak-kanak untuk menyenangkan penjenayah tersebut melakukan serangan seksual terhadap kanak-kanak itu suatu hari nanti. Asuhan seksual juga boleh disebut sebagai pengantunan seksual.

Jenayah asuhan seksual merupakan satu jenayah yang serius memandangkan ianya adalah berkaitan dengan kesalahan terhadap kanak-kanak. Jenayah ini juga kurang dikenali di kalangan masyarakat dan ianya tidak boleh diambil ringan kerana jenayah asuhan seksual ini merupakan langkah permulaan pemangsa sebelum melakukan beberapa jenayah lain terhadap kanak-kanak. Oleh itu kajian ini akan menganalisis undang-undang berkaitan dengan jenayah asuhan seksual dari segi definisi, elemen, hukuman dan beberapa buah kes yang berkaitan di dalam perundangan di Negara Brunei Darussalam.


### **Asuhan seksual di Negara Brunei Darussalam**

Menurut statistik dari Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak, Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei, pada tahun 2015, sebanyak 36 kes rogol telah dilaporkan kepada pihak polis. 23 kes daripadanya adalah kes yang melibatkan kanak-kanak

---

<sup>59</sup> Gayle Letherby, *et al.* (2008). *Sex as Crime?*. United Kingdom: Routledge.

berumur di bawah 16 tahun dan 9 daripada kes tersebut adalah merupakan kes yang bermula dari perkenalan di atas talian. Pada tahun 2016 pula, sebanyak 30 kes rogol telah dilaporkan. 21 kes daripadanya merupakan mangsa yang berumur di bawah 16 tahun, dan satu kes adalah kes yang sama seperti tahun sebelumnya iaitu bermula dari perkenalan di atas talian. Manakala pada tahun 2015, sebanyak 34 kes rogol telah dilaporkan kepada pihak polis, 11 kes daripadanya adalah kes yang melibatkan kanak-kanak berumur di bawah 16 tahun, dan satu kes adalah merupakan kes yang berpunca dari perkenalan di atas talian<sup>60</sup>.



<sup>60</sup> James Kon (2018, 7 November). *Eleven out of 34 rape cases last year involved children*, *Borneo Bulletin*.

Seperti juga di negara-negara lain, penggunaan internet di kalangan kanak-kanak juga semakin berleluasa. Ini menyebabkan jenayah asuhan seksual semakin senang dilakukan oleh pemangsa-pemangsa dewasa terhadap kanak-kanak melalui atas talian seperti media sosial bahkan permainan video yang membolehkan kanak-kanak berhubung dengan orang luar melalui pesanan teks atau suara secara langsung.

Oleh itu, negara-negara lain juga telah menjadikan asuhan seksual sebagai jenayah di dalam undang-undang mereka seperti United Kingdom di dalam seksyen 15, UK Sexual Offences act 2013. Manakala asuhan seksual di negara-negara jiran iaitu Singapura diperuntukkan di bawah seksyen 376E, Penal Code Cap 224 dan Malaysia di bawah seksyen 11, 12 dan 13, Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Mengikut laporan dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia menurut akhbar *Pelita Brunei* pada 25 November 2015, 150 juta kanak-kanak perempuan dan 73 juta kanak-kanak lelaki di bawah umur 18 tahun mengalami penganiayaan seksual, jelas Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof pada 21 November 2015 sempena Hari Kanak-Kanak Sedunia<sup>61</sup>. Menurut Yang Berhormat, salah satu

---

<sup>61</sup> Khartini Hamir. (2015, 25 November). Eksploitasi Seksual Online Kalangan Kanak-Kanak Membimbangkan. *Pelita Brunei*, ms: 4. Diambil dari:

punca utama pada statistik ini adalah penyalahgunaan kemudahan internet serta komunikasi digital dalam kalangan kanak-kanak dan remaja sendiri. Jelas sekali kes penderaan dan jenayah seksual terhadap kanak-kanak berada di dalam keadaan menyedihkan dan membimbangkan.

Menurut Jabatan Perangkaan, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, kira-kira 20.4 peratus (92,500 orang) daripada jumlah penduduk di Negara Brunei Darussalam adalah kanak-kanak berumur di bawah 15 tahun<sup>62</sup> dan pada tahun 2019 pula sebanyak 20.6 peratus (94,600 orang)<sup>63</sup>.

Menurut *Brunei Darussalam Information Communication Technology (ICT) Household Report 2019*<sup>64</sup>, bilangan pengguna internet di Negara Brunei Darussalam secara individu di dalam kehidupan seharian pada tahun 2018 adalah sebanyak 95% berbanding dari tahun 2013 iaitu sebanyak 76%. Manakala kanak-kanak yang menggunakan internet pada tahun 2018 adalah sebanyak 79.5% berbanding

---

<http://www.pelitabrunei.gov.bn/Lists/Berita/NewDisplayForm.aspx?ID=6202&ContentTypeId=0x0100BC31BF6D2ED1E4459ACCF88DA3E23BA8> [diakses pada 12 Disember 2020].

<sup>62</sup> Jabatan Perangkaan, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik. Laporan Anggaran Penduduk Pertengahan Tahun. (2020). Brunei Darussalam.

<sup>63</sup> Jabatan Perangkaan, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik. Laporan Anggaran Penduduk Pertengahan Tahun. (2019). Brunei Darussalam.

<sup>64</sup> AITI. (2019). *Brunei Darussalam Information Communications Technology (ICT) Household Report 2019*. Brunei Darussalam: AITI.



kanak-kanak yang tidak menggunakan internet ialah sebanyak 20.5%.

### **Pengimplementasian Jenayah Asuhan Seksual Di Dalam Perintah Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22**

Dengan ketiadaan perundangan khusus bagi jenayah asuhan seksual di Negara Brunei Darussalam, pindaan telah dibuat terhadap Akta Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22. Pada 26 Mac 2012, jenayah asuhan seksual telah diimplimentasikan di dalam akta ini di bawah seksyen 377G.

Beberapa kesalahan lain yang berkaitan dengan kesalahan seksual terhadap kanak-kanak juga telah diimplimentasikan di dalam akta ini seperti melibatkan diri dalam aktiviti seksual di hadapan orang yang berumur di bawah 16 tahun, seks perdagangan dengan orang yang berumur di bawah 18 tahun dan lain-lain lagi.

### **Peruntukan Jenayah Asuhan Seksual Menurut Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22**

Jenayah asuhan seksual diperuntukkan di bawah seksyen 377G, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 iaitu:

“**377G.** (1) Barang siapa yang berumur 21 tahun atau ke atas (A) jika setelah berjumpa atau berhubung dengan orang lain (B) dua kali atau lebih dahulunya —

- (a) A dengan sengaja berjumpa B atau membuat perjalanan dengan maksud hendak berjumpa B; dan
- (b) pada masa perbuatan-perbuatan yang disebut dalam perenggan (a) —

- (i) *A* bermaksud hendak melakukan sesuatu kepada atau berkaitan dengan *B*, dalam masa atau selepas perjumpaan itu, yang jika dilakukan akan melibatkan suatu kesalahan yang berkaitan dilakukan oleh *A*;
- (ii) *B* berumur 16 tahun atau ke atas,
- (iii) *A* tidak mempercayai dengan munasabah bahawa *B* berumur 16 tahun atau ke atas, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

(2) Dalam cerai (1), “kesalahan yang berkaitan” bermakna suatu kesalahan di bawah —

- (a) bab 354, 354A, 354B, 375, 377, 377B, 377C atau 377D;
- (b) bab 2 dari Akta Persetubuhan Haram (Penggal 29); atau
- (c) bab 3(1) dari Akta Perlindungan Perempuan dan Gadis (Penggal 120).

(3) Bagi maksud-maksud bab ini, tidaklah material sama ada *A* telah berjumpa atau berhubung dengan *B* dua kali atau lebih dahulunya yang disebut dalam cerai (1) berlaku di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam.”

## **Elemen dan Hukuman Kesalahan Jenayah Asuhan Seksual**

Merujuk kepada peruntukan di dalam Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22 penulis mendapati beberapa elemen kesalahan bagi membuktikan berlakunya jenayah asuhan seksual iaitu:

1. Elemen yang berkaitan dengan umur pesalah dan mangsa iaitu hendaklah pesalah itu seorang dewasa yang berumur 21 tahun atau lebih, sama ada pesalah tersebut lelaki atau perempuan.
2. Pesalah telah berkomunikasi dengan mangsa sekurang-kurangnya dua kali atau lebih. Maksud berkomunikasi di dalam Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22 adalah apabila pesalah berkomunikasi dengan mangsa secara fizikal (*in-person*) atau melalui atas talian internet.
3. Pesalah dengan sengaja berjumpa dengan mangsa atau pesalah membuat perjalanan dengan niat untuk berjumpa mangsa.
4. Mangsa hendaklah, pada masa perjumpaan bersama pesalah, berumur di bawah 16 tahun sama ada lelaki atau perempuan.
5. Pada waktu perjumpaan, pesalah hendaklah mempunyai niat hendak melakukan sesuatu kepada mangsa, semasa atau selepas perjumpaan, yang jika

dilakukan adalah melibatkan suatu ‘kesalahan yang berkaitan’ seperti yang dinyatakan di bawah seksyen 377G(2) di dalam akta Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22.

6. Pada waktu perjumpaan, pesalah tidak mempercayai dengan munasabah bahawa mangsa pada waktu tersebut berumur 16 tahun atau ke atas.

Hukuman bagi jenayah asuhan seksual di Negara Brunei Darussalam ialah jika disabitkan kesalahan di bawah seksyen 377G, Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22 hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun, atau dikenakan denda, atau kedua-duanya sekali<sup>65</sup>.

### **Kesalahan-Kesalahan yang berkaitan dengan Jenayah Asuhan Seksual**

Menurut ceraiian (1)(b)(i) di dalam akta Perintah Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22 di atas, asuhan seksual berlaku jika semasa perjumpaan atau selepas perjumpaan, pesalah bermaksud untuk melakukan ‘suatu kesalahan yang berkaitan’. Kesalahan-kesalahan yang dimaksudkan ialah kesalahan-kesalahan yang dinyatakan di bawah ceraiian (2) dan kesalahan-kesalahan tersebut ialah:

1. Bab 354, akta Perintah Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22 iaitu:

---

<sup>65</sup> Seksyen 377G, Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22.

**“Menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah ke atas orang dengan niat hendak mencabul kehormatan**

**354.** Barang siapa menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah ke atas mana-mana orang, dengan maksud dengan yang demikian hendak mencabul, atau dengan mengetahuinya berkemungkinan dia dengan yang demikian akan mencabul kehormatan orang itu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun dan sebat”.

2. Bab 354A, akta Perintah Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22 iaitu:

**“Mencabul kehormatan dengan teruk**

**354A.** (1) Barang siapa, dengan tujuan hendak melakukan atau memudahkan suatu kesalahan dilakukan terhadap mana-mana orang di bawah bab 354 —

(a) dengan sengaja menyebabkan atau cuba menyebabkan kematian, kecederaan atau halangan salah kepada orang itu; atau

(b) mendatangkan kepada orang itu ketakutan bahawa kematian, kecederaan atau halangan salah akan berlaku, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak kurang daripada 2 tahun dan tidak lebih daripada 7 tahun dan sebat.

(2) Barang siapa melakukan suatu kesalahan di bawah ceraiian (1) terhadap mana-mana orang yang berumur di bawah 14 tahun, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak kurang daripada 3 tahun dan tidak lebih daripada 7 tahun dan sebat.”

3. Bab 354B, akta Perintah Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22 iaitu:

**“Mencabul kehormatan oleh orang yang dapat dipercayai atau berkuasa**

**354B.** Barang siapa -

(a) yang dapat dipercayai atau berkuasa terhadap seseorang yang berumur di bawah 18 tahun (*A*); atau  
(b) adalah seorang yang dengannya *A* mempunyai hubungan kebergantungan, menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah ke atas *A*, dengan maksud dengan yang demikian hendak mencabul, atau dengan mengetahuinya berkemungkinan dia dengan yang demikian akan mencabul kehormatan *A*, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak kurang daripada 3 tahun dan tidak lebih daripada 10 tahun dan sebat.”

4. Bab 375, akta Perintah Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22 iaitu:

**“Rogol**

**375.** Seorang lelaki adalah dikatakan melakukan “rogol”, jika dia, kecuali dalam hal yang dikecualikan selepas ini, bersetubuh dengan seorang perempuan dalam hal keadaan yang termasuk dalam mana-mana lima perihalan yang berikut —

- (a) bertentangan dengan kemahuan perempuan itu;
- (b) tanpa kerelaan perempuan itu;
- (c) dengan kerelaan perempuan itu, jika kerelaannya telah didapatkan dengan mendatangkan kepadanya

ketakutan bahawa kematian atau kecederaan akan berlaku;

(d) dengan kerelaan perempuan itu, apabila lelaki itu mengetahui bahawa dia bukan suami perempuan itu, dan bahawa kerelaan perempuan itu diberikan kerana dia percaya lelaki itu ialah lelaki lain yang akan menjadi, atau yang dia percaya akan menjadi, suaminya yang sah;

(e) dengan atau tanpa kerelaan perempuan itu jika dia berumur di bawah 14 tahun.”

5. Bab 377, akta Perintah Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22 iaitu:

**“Kesalahan luar tabii**

**377.** Barang siapa dengan sengaja melakukan persetubuhan di luar tabii dengan mana-mana lelaki, perempuan atau haiwan hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun dan denda.”

6. Bab 377B, akta Perintah Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22 iaitu:

**“Melibatkan diri dalam aktiviti seksual di hadapan orang yang berumur di bawah umur 16 tahun**

**377B.** Barang siapa (A) —

(a) dengan sengaja melibatkan diri dalam suatu aktiviti;

(b) aktiviti itu adalah seksual; dan

(c) bagi tujuan mendapatkan kepuasan seksual, dia melibatkan dirinya —

1. (i) di hadapan orang yang berumur di bawah 16 tahun (*B*) atau berada di suatu tempat dari mana *A* boleh dilihat; dan
  2. (ii) dengan mengetahui atau dengan mempercayai bahawa *B* menyedari atau dengan maksud *B* sepatutnya menyedari bahawa dia melibatkan diri dalam aktiviti itu, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.”
7. Bab 377C, akta Perintah Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22 iaitu:

**“Menyebabkan orang yang berumur di bawah 16 tahun melihat perbuatan seksual**

**377C.** Barang siapa (*A*) bagi tujuan mendapatkan kepuasan seksual —

- (a) dengan sengaja menyebabkan orang yang berumur di bawah 16 tahun (*B*) melihat orang ketiga melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau melihat imej mana-mana orang yang melibatkan diri dalam suatu aktiviti; dan
- (b) aktiviti itu adalah seksual, hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.”

8. Bab 377D, akta Perintah Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22 iaitu:



**“Seks perdagangan dengan orang yang berumur di bawah 18 tahun**

**377D.** (1) Barang siapa mendapatkan dengan balasan perkhidmatan seksual orang yang berumur di bawah 18 tahun hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh yang tidak kurang daripada 2 tahun dan tidak lebih daripada 7 tahun dan sebat.

(2) Mana-mana orang yang memberitahu orang lain bagi tujuan mendapatkan dengan balasan perkhidmatan seksual orang yang berumur di bawah 18 tahun hendaklah dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun, denda atau kedua-duanya sekali.”

9. Bab 2, Akta Persetubuhan Haram, Penggal 29 iaitu:

**“Melakukan persetubuhan haram bersama seorang kanak-kanak perempuan yang berumur di bawah 16 tahun**

2. Mana-mana orang yang telah atau mencuba untuk melakukan persetubuhan haram bersama seorang kanak-kanak perempuan yang berumur di bawah 16 tahun kecuali melalui perkahwinan, adalah melakukan kesalahan: Denda, penjara tidak melebihi 7 tahun dan sebat tidak melebihi 24 kali sebatan bagi pesalah dewasa atau 12 kali sebatan bagi pesalah muda.

10. Bab 3, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis, Penggal 120 iaitu:

**“Menjual atau mengupah bagi tujuan pelacuran**

3. (1) Mana-mana orang yang-

(a) menjual, menyewakan atau dengan cara lain memberikan atau membeli atau menyewa atau dengan cara lain memiliki seseorang wanita atau gadis dengan niat supaya wanita atau gadis itu diberi kerja atau digunakan bagi maksud pelacuran sama ada dalam atau luar Brunei, atau dengan mengetahui atau ada sebab bagi mempercayai bahawa wanita atau gadis itu akan diberi kerja atau digunakan sedemikian; atau

(b) memperolehi seseorang wanita atau gadis di bawah umur 21 tahun, atau mana-mana wanita atau gadis yang berumur 21 tahun atau ke atas menjadi pelacur atau pelakuan tidak bermoral sama ada di dalam atau di luar Brunei atau supaya melakukan persetubuhan kecuai dengan jalan perkahwinan dengan mana-mana orang lain atau bagi tujuan pelacuran sama ada di dalam atau luar Brunei; atau

(c) dengan cara ugutan atau menakut-nakutkan memperolehi seseorang wanita atau gadis untuk melakukan persetubuhan haram sama ada di dalam atau di luar Brunei kecuai dengan jalan perkahwinan bersama mana-mana lelaki; atau

(d) dengan atau di bawah apa-apa cara palsu, pernyataan palsu, atau cara tipuan atau perdayaan yang dibuat atau digunakan sama ada di dalam atau luar Brunei, membawa atau menolong membawa masuk ke Brunei mana-mana wanita atau gadis dengan niat supaya wanita

atau gadis itu diberi kerja atau digunakan bagi tujuan pelacuran sama ada di dalam atau luar Brunei, atau mengetahui atau ada sebab bagi mempercayai bahawa orang perempuan itu akan diberi kerja atau digunakan sedemikian; atau

(e) membawa masuk ke Brunei, menerima atau melindungi mana-mana wanita atau gadis di bawah umur 21 tahun atau mana-mana wanita atau gadis yang berumur 21 tahun atau ke atas menjadi pelacur atau pelakuan tidak bermoral, dengan mengetahui atau ada sebab bagi mempercayai bahawa orang perempuan itu telah diperolehi bagi maksud melakukan persetubuhan haram, kecuali dengan jalan perkahwinan, dengan mana-mana orang lain atau bagi maksud pelacuran sama ada di dalam atau luar Brunei dan dengan niat untuk membantu maksud itu; atau

(f) mengetahui atau ada sebab bagi mempercayai bahawa mana-mana wanita atau gadis telah diperolehi dengan jalan ugutan atau ditakut-takutkan bagi maksud melakukan persetubuhan haram, kecuali dengan jalan perkahwinan, sama ada di dalam atau luar Brunei, menerima atau melindungi wanita atau gadis itu dengan niat hendak membantu maksud itu; atau

(g) mengetahui atau ada sebab bagi mempercayai bahawa mana-mana wanita atau gadis dibawa masuk ke Brunei dalam hal keadaan sebagaimana dinyatakan dalam paragraf (d), atau telah dijual atau dibeli dalam hal keadaan sebagaimana dinyatakan dalam paragraf (a), menerima atau melindungi wanita atau gadis itu dengan

niat supaya wanita atau gadis itu diberi kerja atau digunakan bagi maksud pelacuran sama ada di dalam atau luar Brunei; atau

(h) menahan mana-mana wanita atau gadis didalam sesuatu rumah pelacuran bertentangan dengan kemahuannya; atau

(i) menahan mana-mana wanita atau gadis di mana-mana tempat bertentangan dengan kemahuannya dengan niat supaya wanita atau gadis itu diberi kerja atau digunakan bagi maksud pelacuran atau bagi maksud yang menyalahi undang-undang atau bagi tujuan tidak bermoral; atau

(j) *Dimansuhkan.*

(k) mencuba melakukan sesuatu perbuatan bersalahan dengan seksyen ini, adalah melakukan kesalahan: Denda, penjara bagi tempoh 5 tahun dan denda \$20, 000.  
(2) Mana-mana lelaki yang disabitkan kesalahan di bawah subseksyen (1) (a), (b), (c), (d), (e), (f) atau (g) boleh, pada budi bicara Mahkamah dan sebagai tambahan kepada hukuman lain yang dijatuhkan berhubung dengan kesalahan itu, hendaklah dihukum dengan hukuman sebat.

(3) Bagi maksud seksyen ini maka hendaklah dianggap sehingga dibuktikan sebaliknya bahawa-

(a) seseorang yang membawa masuk atau mengarahkan supaya dibawa masuk seseorang wanita atau gadis ke

sesuatu rumah pelacuran telah memberikan wanita atau gadis itu dengan niat atau pengetahuan yang tersebut dalam subseksyen (1) (a);

(b) seseorang yang menerima mana-mana wanita atau gadis masuk ke sesuatu rumah pelacuran atau melindungi mana-mana wanita atau gadis dalam sesuatu rumah pelacuran telah memiliki wanita atau gadis itu dengan niat atau pengetahuan yang tersebut dalam subseksyen (1) (a);

(c) seseorang telah menahan seorang wanita atau gadis di sesuatu rumah pelacuran atau mana-mana tempat bertentangan dengan kemahuan perempuan itu jika, dengan niat hendak memaksa atau mendorong wanita atau gadis itu supaya tinggal di dalamnya, orang itu-

(i) tidak memberi kepada wanita atau gadis itu apa-apa barang pakaian atau apa-apa harta yang dimilikinya atau apa-apa barang pakaian yang selalu atau kali terakhir dipakainya; atau

(ii) jika barang pakaian telah dipinjamkan atau dibekalkan kepada wanita atau gadis itu, mengugut wanita atau gadis itu bahawa ia akan mengambil tindakan undang-undang jika wanita atau gadis itu membawa pergi barang pakaian tersebut; atau

(iii) mengugut wanita atau gadis itu bahawa ia akan mengambil tindakan undang-undang untuk menuntut apa-apa hutang atau menggunakan apa-apa jua ugutan lain.

## Contoh-Contoh Kes Asuhan Seksual Di Negara Brunei Darussalam

### 1. Pendakwa Raya Iwn Mohammad Shahdon Mohammad Ramlee (2015)<sup>66</sup>

Defendan, seorang warga tempatan berumur 28 tahun, telah berkenalan bersama mangsa seorang kanak-kanak lelaki berumur 15 tahun melalui laman sosial aplikasi *WhatsApp* dan menyamar sebagai seorang perempuan bernama “Ana” selepas defendan menjumpai nombor telefon mangsa di dalam profil media sosial *Facebook* milik mangsa. Defendan mengakui telah meminta mangsa untuk menghantar gambar bogel mangsa dan video mangsa melakukan onani sehingga mangsa menghantar gambar-gambar dan video dek kerana permintaan defendan yang berterusan.

Beberapa hari selepas itu, defendan menghantar teks kepada mangsa dan menyamar sebagai abang kepada “Ana”. Defendan mengugut mangsa bahawa dia akan mengedarkan gambar-gambar bogel mangsa jika mangsa tidak mahu bertemu dengannya. Oleh kerana mangsa takut akan ugutan defendan, mangsa akhirnya setuju untuk bertemu dengan defendan di pantai Lumut.

---

<sup>66</sup> Quratul-Ain Bandial. (3 Julai 2015). *Local man in ‘sexual grooming’ case to be sentenced*. *Brunei Times*. Lihat: <https://btarchive.org/news/national/2015/07/03/local-man-sexual-grooming-case-be-sentenced> [diakses pada: 9 Disember 2020]

Semasa perjumpaan pertama dan kedua, mangsa tidak mahu melakukan apa-apa aktiviti seksual bersama defendan. Pada perjumpaan kali ketiga pula, mangsa meminta seorang kawannya untuk menemaninya. Defendan kemudiannya memaksa mangsa dan menunjukkan kawan mangsa video mangsa melakukan onani untuk memalukan mangsa. Sepanjang beberapa bulan selepas itu, defendan akan mengarahkan mangsa dan adik lelaki mangsa yang berumur 14 tahun untuk mengunjungi rumahnya di Lumut. Semasa perjumpaan ini, defendan akan menggunakan kekerasan untuk memaksa mangsa melakukan aksi seksual pada defendan, termasuk seks oral dan liwat, dan merakamnya di dalam telefon bimbitnya. Defendan juga mengakui bahawa dia telah menunjukkan aksi seksual di hadapan mangsa untuk kepuasan seksualnya dan pada bulan Mei 2015, mangsa tidak mahu pergi ke rumah defendan lagi yang membuatkan defendan membalas dendam dengan menyebarkan gambar dan video mangsa di dalam kumpulan *WhatsApp* yang mengandungi kawan-kawan mangsa di dalam kumpulan tersebut. Defendan juga dikenakan denda kerana telah memberi maklumat palsu apabila dia mengatakan bahawa anak saudaranya yang menggunakan telefon bimbitnya untuk menghantar mesej kepada mangsa.

Defendan menghadapi 18 pertuduhan termasuk asuhan seksual, kes liwat, penganiayaan seksual, memberikan maklumat palsu, dan tuduhan merakam gambar-gambar lucah mangsa dan mengedarkannya pada kawan-kawan sekolah mangsa.

Dia disabitkan bersalah di bawah seksyen 377G dan disabitkan dengan beberapa kesalahan lain di dalam Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22 iaitu:

1. Dua kesalahan di bawah seksyen 377: Kesalahan luar tabii.
2. Tiga kesalahan di bawah seksyen 377B: Melibatkan diri dalam aktiviti seksual di hadapan orang yang berumur di bawah 16 tahun.
3. Tiga kesalahan di bawah seksyen 354: Mencabul kehormatan dengan teruk.
4. Dua kesalahan di bawah seksyen 377G: Asuhan seksual orang yang berumur di bawah 16 tahun.
5. Satu kesalahan di bawah seksyen 182: Maklumat palsu dengan niat menyebabkan kakitangan kerajaan menggunakan kuasanya yang sah hingga mendatangkan kecederaan kepada orang lain.
6. Tujuh kesalahan di bawah seksyen 293B: Mengambil, mengedarkan, menunjukkan, mengiklankan dan mengakses fotograf tidak senonoh kanak-kanak.

Dia dijatuhi hukuman penjara selama sembilan tahun dan enam kali sebatan.



## 2. Pendakwa Raya Iwn Alias bin Rosli (2017)<sup>67</sup>

Defendan berumur 49 tahun telah mengaku bersalah atas pertuduhan mengajak seorang budak lelaki autistik untuk melakukan hubungan seksual. Defendan berkenalan bersama mangsa yang berumur 14 tahun di masjid ketika sama-sama menunaikan solat fardhu jumaat. Defendan berhubung dengan mangsa melalui aplikasi *WhatsApp* dan dari panggilan telefon. Defendan juga didapati memaksa mangsa untuk memberikannya satu ciuman dan turut mengirim 'emoji' yang berbentuk seksual melalui talian *WhatsApp*.

Pada 3 Oktober 2017, defendan mencadangkan mangsa untuk melakukan perbuatan tidak senonoh terhadapnya dan mengajak mangsa untuk berjumpa dengannya. Bagaimanapun, ibu bapa mangsa telah menyedari dan membaca pesanan lucu dari defendan tersebut.

Defendan disabitkan bersalah di bawah Seksyen 377G dibaca dengan Seksyen 511 di bawah Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22 iaitu percubaan untuk melakukan asuhan seksual orang yang berumur di bawah 16 tahun dan dihukum penjara selama 4 bulan. Ini adalah kerana elemen asuhan seksual tidak mencukupi kerana defenden belum sampai berjumpa atau membuat perjalanan untuk berjumpa mangsa.

---

<sup>67</sup> Rafidah Jumat. (19 Oktober 2017). Padah 'ajak' budak autistik. Media Permata. Lihat <https://mediapermata.com.bn/padah-ajak-budak-autistik/> [diakses pada: 9 Disember 2020]

## **Kepentingan Penguatkuasaan Undang-Undang Bagi Kesalahan Asuhan Seksual Di Dalam Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22**

“Sejajar dengan tuntutan masa dan perkembangan global, Beta dalam bidang ICT, juga telah memperkenankan peruntukan sejumlah B\$230 juta dibawah RKN Ke-10 untuk Kementerian Pergubungan melaksanakan projek “Fibre-to-the-Home”, yang pada asasnya akan menyediakan infrastruktur jalur lebar yang menyeluruh.

Ini tidak syak lagi akan membawa kepada kemajuan Internet yang lebih berkualiti yang mampu dimiliki oleh orang ramai. Pada waktu yang sama, kemajuan perkhidmatan ini juga akan turut mengangkat daya-saing negara bagi menarik pelaburan asing.

Namun perlu pula disedari, akan kesan-kesan buruk sampingan, yang boleh saja berlaku dari penyalahgunaan alat canggih ini. Kerana itu sangatlah wajar untuk diambil perhatian oleh pihak-pihak yang berkepentingan, supaya lebih meningkatkan lagi keupayaan dan kewaspadaan dalam perkara-perkara kawalan, pencegahan dan penguatkuasaan. Turut sama kewajipan itu, ialah para ibu-vapa, guru-guru, masyarakat, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, dan lebih-lebih lagi para belia, selaku pengguna terbesar kemudahan ICT itu.

Ambillah langkah memana’atkan ICT itu dengan cara yang betul.

Kewajiban ini adalah kewajipan semua. Kita mesti mengamalkan nilai-nilai murni dan memelihara jatidiri kita, dengan calak MIB.

Kita adalah bangsa yang membangun dengan undang-undang, Pendidikan dan akhlak yang baik, serta bergerak maju diatas landasan ajaran ugama yang suci. Kita menawarkan persahabatan kepada semua warga dunia, sambil memberitahu, bahawa kita juga adalah rakan yang baik, yang sentiasa bersedia untuk menghormati sesiapa saja.” – Titah Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiyah Mu'izzaddin Waddaulah Yang Ke-66 Tahun<sup>68</sup>.

Dari petikan titah tersebut, jelaslah bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan menuntut supaya kita lebih menyedari akan keburukan alat-alat canggih seperti gajet dan internet. Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga bertitah bahawa pihak-pihak yang berkepentingan supaya berwaspada dalam mengawal dan mencegah. Di antara kesan-kesan buruk alat-alat canggih ini ialah asuhan seksual.

Oleh yang demikian, diharap dengan pengimplementasian jenayah asuhan seksual ke dalam perundangan di negara ini

---

<sup>68</sup> Jabatan Perdana Menteri. (2012). Titah Sempena Hari Keputeraan KDYMM Yang Ke-66 tahun. Diambil dari: <http://pmo.gov.bn/Lists/TITAH/NewDispform.aspx?ID=33&ContentTypeId=0x0100422E821587FC974C9DFFAF38C117CE34> [diakses pada: 24 November 2020]

akan membuka mata setiap ibu bapa dan penjaga agar mereka lebih menyedari akan kemungkinan anak-anak mereka menjadi mangsa kepada penjenayah-penjenayah di luar sana jika anak-anak mereka terlalu terdedah kepada gajet dan internet tanpa pengawasan.

Di antara tujuan undang-undang ini diperuntukkan juga ialah untuk menghukum penjenayah-penjenayah yang melakukan kesalahan demi untuk menegakkan keadilan terhadap kesalahan yang dilakukannya. Ianya juga adalah untuk mengelakkan penjenayah tersebut dari mengulangi kesalahan yang sama dan mengelakkan orang lain dari melakukan kesalahan ini.

## **Penutup**

Pindaan akta Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 2017 bertujuan untuk mengelak dari berlakunya kekeliruan dalam membuat pertuduhan dan pertindihan dalam undang-undang yang sedia ada. Perlaksanaan undang-undang ini adalah bertepatan dengan situasi perkembangan teknologi di kalangan kanak-kanak. Asuhan seksual ialah sebuah jenayah yang serius kerana ianya melibatkan kanak-kanak dan ianya bertujuan untuk melindungi mereka. Elemen dan hukuman jenayah ini juga jelas dinyatakan di dalam Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 2012. Dari segi umur mangsa pula, 16 tahun kebawah adalah bersesuaian kerana kanak-kanak yang berada di lingkungan umur ini adalah golongan yang lebih terdedah dengan jenayah ini. Sehubungan dengan itu, perlaksanaan undang-undang ini menunjukkan usaha

kerajaan untuk melindungi kanak-kanak dari berlakunya penganiayaan seksual dan bagi menghukum pesalah-pesalah yang melakukan jenayah ini demi untuk menegakkan keadilan. Malah perundangan seumpamanya juga telah digubal oleh beberapa buah negara di dunia seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, India dan Singapura bagi membanteras jenayah ini.

## Rujukan

### Rujukan Statut

Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22  
Akta Persetubuhan haram, Penggal 29  
Akta Perlindungan Perempuan dan Gadis, Penggal 120

### Rujukan Buku

- AITI. (2019). *Brunei Darussalam Information Communications Technology (ICT) Household Report 2019*. Brunei Darussalam: AITI.
- Gayle Letherby, *et al.* (2008). *Sex as Crime?*. United Kingdom: Routledge.
- Jal Zabdi Mohd Yusoff. (2010). *Jenayah Penderaan Kanak-Kanak*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Jabatan Perangkaan, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik. *Laporan Anggaran Penduduk Pertengahan Tahun*. (2020). Brunei Darussalam.
- Jabatan Perangkaan, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik. *Laporan Anggaran Penduduk Pertengahan Tahun*. (2019). Brunei Darussalam.

## Rujukan Journal

Samantha Craven, Sarah Brown dan Elizabeth Gilchrist. (2007). Sexual Grooming of Children: Review of Literature and Theoretical Considerations. *Journal of Sexual Aggression*. 12(3), 287-299.

## Rujukan Laman Web

Jabatan Perdana Menteri. (2012). Titah Sempena Hari Keputeraan KDYMM Yang Ke-66 tahun. Diambil dari <http://pmo.gov.bn/Lists/TITAH/NewDispform.aspx?ID=33&ContentTypeId=0x0100422E821587FC974C9DFFAF38C117CE34>

James Kon (7 November 2018). *Eleven out of 34 rape cases last year involved children*, *Borneo Bulletin*. Diambil dari <https://borneobulletin.com.bn/eleven-out-of-34-rape-cases-last-year-involved-children/>

Khartini Hamir. (25 November 2015). Eksploitasi Seksual Online Kalangan Kanak-Kanak Membimbangkan. *Pelita Brunei*, ms:4. Diambil dari: <http://www.pelitabrunei.gov.bn/Lists/Berita/NewDisplayForm.aspx?ID=6202&ContentTypeId=0x0100BC31BF6D2ED1E4459ACCF88DA3E23BA8>

Quratul-Ain Bandial. (3 Julai 2015). *Local man in 'sexual grooming' case to be sentenced*. *Brunei Times*. Diambil dari <https://btarchive.org/news/national/2015/07/03/local-man-sexual-grooming-case-be-sentenced>

Rafidah Jumat. (19 Oktober 2017). Padah 'ajak' budak autistik. Media Permata. Diambil dari <https://mediapermata.com.bn/padah-ajak-budak-autistik/>

